

104 terima darjah, pingat kebesaran Pahang

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

4 Ogos 2023, 8:38 am

MPC pacu daya saing negara ke arah ekonomi MADANI
Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia - Ogos 4, 2023 @ 4:52pm

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menyambut baik Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 27 Julai lalu, sebagai kerangka bagi menstruktur semula ekonomi Malaysia agar menjadi peneraju di rantau Asia Tenggara.

Penstruktur semula ekonomi Malaysia adalah untuk mengeluarkan Malaysia dari perangkap pendapatan pertengahan (middle-income trap). Hasilnya, taraf hidup akan meningkat dan rakyat lebih produktif seterusnya dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera.

Perencanaan Ekonomi MADANI juga memberi tumpuan dalam memudahcara menjalankan perniagaan bagi menggalakkan pelaburan dan memperkukuh industri tempatan supaya lebih inovatif dan berdaya saing untuk menjadikan Malaysia berada di kedudukan antara 30 ekonomi terbesar di dunia dan Indeks Daya Saing Global di tangga ke-12 teratas dunia.

Kedudukan Malaysia dalam World Competitiveness Report (WCR) 2023 meningkat lima anak tangga di kedudukan ke-27 berbanding ke-32 pada tahun lalu. Malaysia mencatatkan peningkatan dalam keempat-empat faktor daya saing, iaitu Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur.

Walau bagaimanapun, usaha pembangunan negara yang holistik melalui pembaharuan dari segi inovasi dan lonjakan produktiviti diperlukan untuk menjadikan Malaysia berada di tangga ke-12 teratas dunia dalam daya saing global dalam tempoh 10 tahun.

Matlamat Ekonomi MADANI ini tentunya mampu dicapai dengan usaha gigih dan berterusan oleh semua pemegang taruh kerana Malaysia pernah berada di tangga ke-14 pada 1997.

Institute for Management Development (IMD) menjadi rakan strategik MPC selama 25 tahun. Sebagai rakan kongsi institut kepada IMD, MPC bertanggungjawab merancang dan menyelaras urusan berkaitan penambahbaikan daya saing berdasarkan pengukuran WCR.

MPC adalah centre of excellence yang menjadi rujukan pelbagai pihak merangkumi sektor awam dan swasta dalam menjalankan analisis bagi penambahbaikan pada peringkat indikator daya saing yang diterbitkan IMD dalam WCR.

MPC menjalankan analisis deep dive ke atas indikator daya saing yang mendapat kedudukan rendah bagi meningkatkan prestasi Malaysia supaya berada di kedudukan lebih baik.

Melalui deep dive itu, cadangan strategi penambahbaikan prestasi untuk indikator berkenaan dijalankan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

MPC juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan memudah cara bersama-sama semua kementerian, agensi kerajaan dan industri dalam menambahbaik produktiviti dan daya saing melalui peningkatan kecekapan operasi, menggalakkan penerimgunaan teknologi dan digital, peningkatan bakat dan penambahbaikan kualiti peraturan.

Melalui khidmat nasihat dan kolaborasi dijalankan bersama pihak industri, MPC dapat mengenal pasti isu dan cabaran daya saing yang perlu ditangani seterusnya strategi bersesuaian dapat dibangunkan untuk meningkatkan produktiviti serta pendapatan perniagaan.

Bagi sektor awam pula, kerjasama dengan MPC dapat membantu meningkatkan keberkesanan penyampaian peraturan dalam kalangan kementerian dan agensi kerajaan yang merupakan pembuat dasar dan pengawal selia peraturan perniagaan khususnya dalam mewujudkan ekosistem kondusif untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara.

MPC sentiasa terbuka dan mengalu-alukan kerjasama dengan semua pihak dari sektor awam atau sektor swasta untuk berganding bahu dalam usaha meningkatkan produktiviti dan pencapaian daya saing negara.

MPC akan terus komited, melipatgandakan usaha dan berperanan proaktif untuk memacu peningkatan produktiviti dan daya saing selaras dengan hala tuju Ekonomi MADANI demi memperkasakan kesejahteraan negara serta rakyat.